

**Dewan Negara Pelawa Mahasiswa Ikuti Persidangan Parlimen - Abu Zahar Bernama**  
**01 Julai, 2012**

KUALA TERENGGANU, 1 Julai (Bernama) -- Dewan Negara telah mengambil langkah proaktif dengan mengundang semua universiti awam di negara ini menghantar mahasiswa masing-masing bagi mengikuti persidangan Parlimen.

Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Nik Ujang berkata golongan mahasiswa boleh mendapat pendedahan mengenai politik, dasar dan undang-undang negara.

"Universiti adalah sebuah tempat untuk kita memberi pendedahan, menerangkan sistem demokrasi berparlimen. Kalau masuk universiti asyik belajar saja, keluar universiti pun mereka masih tidak faham politik negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menutup Persidangan Agung Tahunan (PAT) Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) di Universiti Malaysia Terengganu di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu Presiden GPMS Jais Abdul Karim.

Abu Zahar berkata, pihaknya menjemput semua universiti untuk mengikuti sesi persidangan bermula tahun ini dan sambutannya sangat baik.

Sementara itu, pada PAT kali, GPMS telah meluluskan empat resolusi iaitu memperjuangkan pendidikan Melayu, melahirkan pemimpin, memperkasakan cawangan di seluruh negara dan melahirkan lebih ramai sukarelawan.

Pada pemilihan GPMS kali, Jais dan timbalannya Shamsuddin Abdul Rahman menang tanpa bertanding.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=677137>